

Headline	FRIM, IDB terima anugerah antarabangsa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	L-58	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	137 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 754
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,261



FRIM, IDB terima anugerah antarabangsa

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menerima Anugerah Sains dan Teknologi, manakala Bank Pembangunan Islam (IDB) 2012 sebagai institusi cemerlang dari segi sumbangan saintifik dan teknologi terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara anggota di Khartoum, Sudan, semalam.

Dalam kenyataan FRIM berkata, Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, menerima plak, sijil pengiktirafan dan wang tunai AS\$100,000 (RM306.020 juta) disampaikan Presiden Republik Sudan, Omar Hassan Ahmed al-Bashir, diiringi Presiden IDB, Dr Ahmad Mohamed Ali Al-Madani pada majlis khas bersempena Mesyuarat Lembaga Gabenor IDB yang ke-37.

Anugerah itu pengiktirafan terhadap FRIM dalam menerajui bidang perhutanan,



Abd Latif (kanan), Zeti (dua kiri) selepas menerima anugerah di Sudan semalam.

an, bioteknologi perhutanan, alam sekitar dan biodiversiti hutan serta manakala IDB adalah institusi kewangan antarabangsa

yang menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial negara-negara anggota khususnya komuniti Islam dunia.